



SEKOLAH MENENGAH KEBANGSAAN CONVENT JALAN PEEL

Jalan Peel, 55100 Kuala Lumpur
Tel : 03 92846562 Faks : 03 92871064
Email : web0214@moe.edu.my
Laman web : www.smkcjp.edu.my



Ruj.Kami : SMKCJP.700-2/1/10 (3)
Tarikh : 8 Februari 2024

Sekolah Kebangsaan Convent Jalan Peel
Sekolah Kebangsaan Cochrane Perkasa
Sekolah Kebangsaan Jalan Peel
Sekolah Kebangsaan Cochrane
Sekolah Kebangsaan Desa Pandan
Sekolah Kebangsaan Datok Keramat 2
Sekolah Kebangsaan Jalan Kuantan 2
Sekolah Kebangsaan Seri Cheras
Sekolah Kebangsaan Jalan Hang Tuah 1
Sekolah Kebangsaan Puteri Pandan 1
Sekolah Kebangsaan Taman Midah
Sekolah Kebangsaan Puteri Pandan 2
Sekolah Kebangsaan Taman Maluri
Sekolah Kebangsaan Jalan Bellamy
Sekolah Kebangsaan (P) Pudu 1
Sekolah Jenis Kebangsaan (Cina) Naam Kheung
Sekolah jenis Kebangsaan (Cina) Kung Min
Sekolah Jenis Kebangsaan (Cina) Jalan Davidson
Sekolah Jenis Kebangsaan (Cina) Choong Wen
Sekolah Jenis Kebangsaan (Cina) La Salle
Sekolah Jenis Kebangsaan (Cina) Tsun Jin
Sekolah Jenis Kebangsaan (Tamil) Cheras

Tuan,

PENGESAHAN PENEMPATAN MURID BAHARU KE TINGKATAN 1 SESI KALENDAR AKADEMIK 2024 / 2025 BAGI MURID TAHUN 6 TAHUN 2023 / 2024

Dengan segala hormatnya perkara di atas adalah dirujuk.

2. Adalah dimaklumkan bahawa SMK Convent Jalan Peel akan mengadakan sesi Pengesahan Penempatan Murid Tingkatan 1 Sesi Kalendar Akademik 2024/ 2025 mengikut ketetapan berikut:

Tarikh : 15 Februari 2024 (Khamis) dan 16 Februari 2024 (Jumaat)
Masa : 9.00 pagi hingga 12.30 tengah hari
Tempat : Anjung ASEAN (aras tanah berdekatan dengan pintu masuk utama),
SMK Convent Jalan Peel

3. Sehubungan dengan itu, ibu bapa/ penjaga murid **diwajibkan** menyerahkan **salinan dokumen yang telah disahkan** seperti disenaraikan:

- 3.1 Surat Penempatan Murid Tahun 6 2023 ke Tingkatan 1 2024 [Salinan Asal]
- 3.2 Sijil Kelahiran Murid [Sijil kelahiran terkini, berwarna hijau dan tertera agama murid]
- 3.3 Kad Pengenalan Murid [jika ada]
- 3.4 Kad Pengenalan Ibu **dan** Bapa/ Penjaga Murid
- 3.5 Slip Ujian Akhir Sesi Akademik [UASA] dan PBD Tahun 6


4. Hanya ibu / bapa / penjaga (satu orang sahaja) perlu hadir pada tarikh dan masa yang ditetapkan untuk urusan di atas. Untuk makluman, murid tidak perlu hadir ke sekolah pada 15 Februari 2024 (Khamis) dan 16 Februari 2024 (Jumaat). Pihak sekolah juga memohon agar ibu/ bapa/ penjaga yang hadir mematuhi etika pemakaian yang sopan dan digalakkan memakai pelitup muka sepanjang masa berada dalam premis sekolah.

Perhatian dan kerjasama tuan amat dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian.

“MALAYSIA MADANI”
“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,


(ROS ABZA BINTI AHMAD)
Pengetua
SMK Convent Jalan Peel
Kuala Lumpur